

24/05/2003

Pemuda Umno ucap terima kasih kepada PM

Datuk Subahan Kamal

PERGERAKAN Pemuda Umno mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana prihatin dan menyokong usaha Unit Pengaduan Awam Pemuda dengan meluluskan dana tambahan RM500 juta untuk Tabung Pembangunan Kemahiran (TPK).

Ini adalah seperti yang dipohon dalam memorandum yang dihantar oleh Unit

Pengaduan Awam Pemuda kepada Kementerian Sumber Manusia pada 12 Mac 2003.

Dengan tambahan yang diluluskan seperti yang dipohon itu, sekali gus membolehkan program Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) diteruskan.

Ini seterusnya, membolehkan kira-kira 150,000 pelajar dapat meneruskan pengajian mereka dalam program MLVK.

Program itu tentu melahirkan lebih ramai belia kita yang akan mempunyai kepakaran vokasional yang amat penting dan berguna untuk mencapai status negara maju.

Ia juga pasti dapat mengurangkan masalah pengangguran belia di negara ini. Penambahan dana itu, memperlihatkan keprihatinan serta keikhlasan kerajaan membantu golongan belia agar dapat menjadi orang yang berjaya dan berguna kepada negara.

Kebanyakan 150,000 pelajar ini yang dibantu adalah anak nelayan, petani, peneroka, penoreh serta mereka daripada keluarga miskin. Hampir 95 peratus mereka adalah anak Melayu.

Syabas sekali lagi diucapkan kepada Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan serta kepimpinan negara kerana dapat membantu menambahkan dana tambahan kepada program MLVK.

Ini sekali gus merealisasikan impian belia di negara ini untuk melanjutkan pendidikan dan kemahiran dalam bidang vokasional dan teknikal.

Dengan tambahan dana ini juga Pemuda Umno memohon agar tunggakan bayaran kepada pengusaha Pusat Latihan Vokasional ini dapat diselesaikan segera oleh Kementerian Sumber Manusia.

Kami juga berharap Kementerian Sumber Manusia lebih cekap dalam mengendali serta mengurus program MLVK yang banyak membawa manfaat kepada negara dan belia dengan baik.

DATUK SUBAHAN KAMAL,  
Ketua Unit Pengaduan Awam,  
Pemuda Umno.